

Media Monitoring

Publication: **Berita Harian – Joran** (Page: 2)

Circulation/Audience: **231,163**

Date: **7 December 2007**

Reference: **Monsoon Cup**

Headline: **Limpahan rezeki Piala Monsun 2007**

Limpahan rezeki Piala Monsun 2007

Oleh Shaarani Ismail dan Baharom Bakar

KUALA TERENGGANU: Kepelbagaian lokasi memancing yang kaya dengan lubuk ikan menjadi antara daya penarik pelancong terutama kaki pancing untuk terus berkunjung ke Terengganu, kata Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh.

"Terengganu adalah negeri yang kaya dengan lubuk memancing dan itu adalah antara faktor yang menarik pelancong untuk terus berkunjung ke sini. Dalam setahun, banyak pertandingan memancing diadakan di seluruh negeri termasuk di Monica Bay di Kemaman; Teluk Ketapang dan Batu Buruk, di sini serta beberapa lokasi lain yang sering dijadikan lokasi pertandingan," katanya ketika ditemui selepas menyampaikan hadiah Pertandingan Memancing Sempena Monsoon Cup 2007 di Kelab Teluk Warisan, Pulau Duyong, Sabtu lalu.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Komunikasi Negeri, Datuk Wan Hisham Wan Salleh yang juga Pengerusi T-Best Events Sdn Bhd (T-Best); Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Industri dan Pelancongan Negeri, Datuk Mohd Nasir Ibrahim Fikri; Ketua Pengerang Kumpulan The New Straits Times Press, Datuk Hishamuddin Aun; Pengerang Kumpulan Berita Harian, Datuk Manja Ismail; Pengerang Promosi Domestik Tourism Malaysia, Datuk Idros Mohd; serta Pengerang Joran/Projek, Kamal Ahmad.

Idris berkata, penganjuran pertandingan memancing kali kedua di Pulau Duyong sempena Monsoon Cup adalah acara berganda untuk membolehkan rakyat sama-sama memerahkan pertandingan kapal layar an-



KENANGAN: Idris (tengah) bergambar bersama pemenang Pertandingan Memancing Sempena Monsoon Cup 2007 di Pulau Duyong, Sabtu lalu.

tarabangsa itu.

"Saya ingin nyatakan bahawa Piala Monsun adalah program untuk rakyat dan dilaksanakan untuk kebaikan rakyat bersama."

FAKTA NOMBOR

Memancing Monsoon Cup

1.67kg
Ikan milik juara

RM50,000
Nilai tiga ikan terberat

"Melaluinya ramai yang mendapat manfaat dan keseronokan berganda Piala Monsun dan pertandingan memancing yang dianjurkan rakyat serta sama-sama dapat menikmati limpahan rezeki yang tercetus daripadanya," katanya.

Pertandingan memancing menawarkan hadiah keseluruhan RM60,000 tajaan T-Best dengan juara membawa pulang RM30,000, kedua (RM15,000) dan ketiga (RM5,000). Pemenang keempat hingga kelapan mendapat RM500, kesembilan hingga ke-18 (RM300), ke-19 hingga ke-28 (RM200), ke-29 hingga ke-38 (RM150) manakala RM100 untuk pemenang ke-39 hingga ke-48.

Terdahulu, Wan Hisham berkata: "Ikan termahal di dunia ada di Terengganu!"

Kenyataan beliau itu berasas ke-

rana juara pertandingan, Md Hafiz Mat Yusof, 22, dari Pulau Duyong, mendapat hadiah wang tunai berjumlah RM30,000 bagi seekor ikan belukang seberat 1.67 kilogram (kg).

Pemenang tempat kedua, Baharom Aziz, yang menaikkan ikan kuku seberat 1.56kg pula membawa pulang RM15,000 manakala Wan Mohd Hadi Wan Mahmud di tempat ketiga menaikkan ikan duri seberat 1.08 kg dan menerima habuan RM5,000.

Wan Hisham berkata, tiga ikan milik Hafiz, Baharom dan Wan Mohd Hadi cuma seberat 4.31kg tetapi RM50,000.

"Sebab itulah saya katakan, ikan milik tiga peserta itu ikan termahal di Asia dan di dunia. Ia adalah satu sejarah dalam penganjuran Monsoon Cup 2007 di Pulau Duyong," katanya.